

MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 19

Bahagian A
[10 markah]

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Nama kucing _____ Ciko," kata Sim kepada rakannya.
A. kita
B. kami
C. saya
D. kamu

[1 markah]

2. Pak Cik Mat menanam pokok sayur di _____ nya.
A. pantai
B. taman
C. kebun
D. padang

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Aduhai, sakitnya kaki saya!
B. Wah, cantiknya baju kamu!
C. Eh, ambillah buku cerita ini!
D. Aduh, lama kita tidak berjumpa!

Aduhai, malangnya! 倒霉
Aduhai, karibannya! 可怜
Aduh, sakitnya! 痛
Wah, cantik! 哇
Wahai, _____! 对告的

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hobi Puan Lee menanam pokok bunga. Beliau menanam pokok bunga di sekitar kawasan rumahnya. Beliau menanam pokok bunga melur, pokok bunga ros dan pokok bunga orkid.

Puan Lee rajin menjaga pokok bunganya. Oleh sebab itu, pokok bunganya hidup subur. Dia menyiram pokok bunganya pada waktu pagi dan petang. Dia membubuh baja pada pokok bunganya dan membuang rumput-rumpai yang tumbuh di sekeliling pokok-pokok tersebut.

4. Mengapakah pokok bunga Puan Lee hidup subur?
A. Puan Lee gemar menanam pokok bunga.
B. Puan Lee rajin menjaga pokok bunganya.
C. Puan Lee menanam pelbagai jenis pokok bunga.
D. Puan Lee menanam pokok bunga di (sekeliling) rumahnya.

[1 markah]

5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.
- Puan Lee tidak menanam pokok bunga orkid.
 - Puan Lee menyiram pokok bunga pada waktu tengah hari.
 - Puan Lee membubuh baja supaya pokok bunganya subur.
 - Puan Lee menanam pokok bunganya pada waktu pagi dan petang.

[1 markah]

6. Yang berikut ialah perkara yang dilakukan oleh Puan Lee berdasarkan petikan *kecuali*.
- menjaga pokok bunganya.
 - menyiram pokok bunganya.
 - membubuh baja pada pokok bunganya.
 - menanam rumput di sekeliling pokok bunganya.

[1 markah]

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



好处
Kebaikan Aktiviti Berbasikal

- 减少 stress (mengurangkan stress)
- 减少 压力 (mengurangkan berat badan)
- 强壮 安稳地睡 (tidur lebih lena)
- 强壮 (menguatkan tulang)
- 强壮 关节 (bagus untuk sendi)

BAHAN 2

(Pada hujung minggu) Chan selalu mengikut ayahnya melakukan aktiviti berbasikal. Mereka menunggang basikal sejauh kira-kira lima kilometer. Aktiviti itu dilakukan oleh mereka pada waktu pagi. Ketika itu, cuaca (masih belum) panas lagi.

Aktiviti berbasikal banyak membawa kebaikan kepada Chan dan ayahnya. Aktiviti itu baik untuk kesihatan kerana dapat menguatkan tulang dan sendi. Selain itu, aktiviti itu dapat membantu mengurangkan berat badan dan stres. Mereka juga dapat tidur lena pada waktu malam selepas melakukan aktiviti tersebut.

7. Mengapakah Chan dan ayahnya melakukan aktiviti berbasikal pada waktu pagi?
- Cuaca pada waktu pagi tidak panas.
 - Mereka tidur lena pada waktu malam.
 - Aktiviti berbasikal dapat menyihatkan badan.
 - Mereka mahu berbasikal sejauh lima kilometer.

[1 markah]

Mereka menunggang basikal sejauh kira-kira lima kilometer.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A. biji
- B. buah

C. butir - 颗

D. bentuk → sebutuk cincin 8
sebutuk mata kail J

[1 markah]

9. Perkataan lena dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

A. kuat

B. lama

C. senang

D. nyenyak

熟睡

[1 markah]

10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2.

- A. Chan dan ayahnya berbasikal pada waktu petang.
- B. Aktiviti berbasikal dapat mengurangkan masalah stres.
- C. Chan dan ayahnya berbasikal sejauh kira-kira 15 kilometer.
- D. Aktiviti berbasikal tidak dapat mengurangkan berat badan.

[1 markah]

Bahagian B [10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Asmah membawa adiknya pergi ke perpustakaan awam. Perpustakaan itu terletak tidak jauh dari rumahnya. Dia gemar berkunjung ke tempat itu kerana terdapat banyak bahan bacaan yang menarik di sana. Sebelum mereka ke sana, Asmah telah memberikan pesanan kepada adiknya. Dia melarang adiknya berbuat bising. Dia juga melarang adiknya menconteng atau mengoyakkan buku-buku di perpustakaan itu.

"Patuhi peraturan di perpustakaan awam," kata Asmah kepada adiknya.

1. (a) Asmah pergi ke perpustakaan awam dengan _____.

[1 markah]

(b) Mengapakah Asmah membawa adiknya pergi ke perpustakaan awam?

- A. Perpustakaan awam terletak tidak jauh dari rumahnya.
- B. Adiknya tidak boleh berbuat bising di perpustakaan awam.
- C. Dia meminta adiknya mematuhi peraturan di perpustakaan awam.
- D. Terdapat banyak bahan bacaan yang menarik di perpustakaan awam.

[2 markah]

特别名词

(c) Bulatkan satu kata nama khas yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Asmah membawa adiknya pergi ke perpustakaan awam.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis **BETUL** bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

遵守

“Patuhi peraturan di perpustakaan awam,” kata Asmah kepada adiknya.

要求 (遵守规则)	Asmah meminta adiknya (mematuhi peraturan) di perpustakaan awam.	
安全	Asmah memujuk adiknya supaya mematuhi peraturan di perpustakaan awam.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

2.

还是 突然 坏了 突然
Ming Jun tetap berbasikal ke sekolah walaupun brek basikalnya rosak. Tiba-tiba, hujan turun dengan lebatnya semasa perjalanan ke sekolah. Dia mengayuh basikalnya laju-laju supaya cepat sampai di sekolah. 快

Berdasarkan situasi di atas, apakah yang mungkin akan terjadi? Ramalkan.

- ☐ Ming Jun akan sampai di sekolah dengan selamat kerana dia mengayuh basikalnya laju-laju walaupun hujan lebat.
- ☐ Ming Jun akan mengalami kemalangan kerana dia tidak dapat mengawal basikalnya. Hal ini berlaku kerana dia mengayuh basikal laju-laju walaupun brek basikalnya rosak.

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan amalan menyimpan wang di dalam tabung.

Tulis pendapat kamu tentang kebaikan amalan menabung.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Panduan:

- amalan menabung banyak kebaikannya
- mendidik kita supaya berjimat cermat dalam perbelanjaan
- perlu diamalkan sejak kita kecil lagi
- semakin lama, wang yang disimpan di dalam tabung akan bertambah banyak
- boleh kita gunakan untuk semasa kecemasan – untuk tujuan pendidikan – kita besar nanti

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Lawatan Sambil Belajar



1. Tulis cerita berdasarkan gambar di atas.
ATAU
2. Tulis catatan berdasarkan gambar di atas.

Panduan:

Pendahuluan:

- pada minggu lalu – menyertai lawatan sambil belajar ke Zoo Negara

Isi 1:

- bertolak dari sekolah – pukul 8.15 pagi – menaiki bas
- tiba di Zoo Negara – pukul 9.00 pagi

Isi 2:

- setelah membeli tiket – masuk ke dalam zoo
- melihat banyak jenis haiwan

Isi 3:

- pukul 12.30 tengah hari – makan tengah hari – sebuah restoran
- selepas makan – mengambil gambar dengan haiwan – kenangan

Penutup:

- pukul 4.00 petang – pulang ke sekolah – perasaan yang gembira